

# Chirac janji bantu atasi krisis Palestin

COPENHAGEN, Isnin - Presiden Perancis, Jacques Chirac memberi jaminan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa beliau akan melakukan 'apa saja yang boleh' untuk mengatasi krisis Palestin, khususnya ancaman terhadap nyawa Presiden Yas-ser Arafat.

Chirac memberi jaminan itu secara peribadi kepada Perdana Menteri ketika perbincangan dua hala, di sini hari ini.

Dalam pertemuan itu, Chirac juga memberitahu

Dr Mahathir beliau tidak setuju dengan sebarang tindakan persendirian terhadap Iraq dan mahu sebarang tindakan mendapat kelulusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Chirac mengutuk tindakan Israel mengepung Arafat di Ramallah dan kedua-dua pemimpin menggesa supaya tentera regim itu segera berundur.

"Chirac mahu tindakan segera diambil untuk me-

namatkan konflik di rantau itu dan setuju dengan Perdana Menteri bahawa satu penyelesaian politik dan keselamatan perlu dirumus segera ke arah itu.

"Perdana Menteri memberitahu Chirac banyak pembunuhan berlaku di Palestin dan meminta pemimpin Perancis itu untuk campur tangan dan menghentikan segera penderitaan yang dialami pemimpin dan rakyat Palestin.

"Dr Mahathir juga meminta beliau menggunakan pengaruhnya di Washing-

ton untuk meminta Amerika Syarikat melakukan sesuatu bagi menghentikan penindasan Israel.

"Chirac memberi jaminan beliau akan melakukan apa saja untuk membantu keadaan di Palestin dan Arafat. Chirac juga memaklumkan Arafat menghubunginya. Kedua-dua mereka menyokong perjuangan Palestin dan sependapat dengan nasib yang dialami negara itu," katanya pada sidang akhbar selepas perbincangan dua hala Chirac-Dr Mahathir.